

**UCAPAN ALUAN DAN PERASMIAN**  
**YANG ARIF DATUK YAACOB BIN HAJI MD SAM**  
**DIALOG SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**(EAIC)**  
**BERSAMA NGOs DAN MEDIA**  
**28 NOVEMBER 2015**  
**HOTEL BANGI - PUTRAJAYA**

---

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WARRAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM  
SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI.

YANG DIHORMATI SAUDARI PENGERUSI MAJLIS,

YANG BERBAHAGIA DATO' SERI, DATO'/TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PEMIMPIN ATAU WAKIL-WAKIL BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN (NGOs), KETUA-KETUA EDITOR, WAKIL-WAKIL MEDIA, JUGA SEMUA PESERTA DIALOG

YANG DIHORMATI AHLI-AHLI PESURUHJAYA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN ATAU *ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION* (EAIC) SERTA WARGA KERJA EAIC, SELAKU URUSETIA MAJLIS PADA HARI INI.

1. Syukur ke hadrat llahi, dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam program Dialog EAIC bersama NGOs dan MEDIA. Ini bukanlah kali pertama program EAIC bersama NGOs diadakan kerana pada 28 November 2012 bertempat di ILKAP

Bangi, satu majlis dialog seperti ini pernah diadakan yang dihadiri bersama oleh wakil-wakil daripada agensi-agensi penguatkuasaan dan NGOs. Walau bagaimana pun pada kali ini, Dialog ini lebih khusus diadakan dalam mendapatkan penyertaan wakil-wakil NGOs yang berada di sekitar Lembah Klang (Klang Valley) serta pihak media.

2. Sehubungan dengan itu, bagi pihak EAIC, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Dato' Seri, Dato'-Dato'/tuan-tuan/ dan puan-puan, kerana sudi meluangkan masa memenuhi jemputan kami.
3. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, antara objektif utama sesi dialog ini adalah:
  - (i) untuk menerangkan dengan lebih jelas mengenai peranan dan fungsi EAIC seperti yang termaktub dalam Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700];
  - (ii) untuk bertukar pendapat dan pandangan dalam perkara-perkara yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang oleh agensi-agensi penguatkuasaan dan perkara-perkara atau isu-isu yang berbangkit daripadanya;
  - (iii) untuk mewujudkan kerjasama di antara EAIC dan NGOs serta media samada sebagai “smart-partner” atau rakan strategik

yang dapat sama-sama memantau dan mencegah salah laku (misconduct) di kalangan anggota agensi penguatkuasaan termasuk agensi penguatkuasaan itu sendiri.

Dato' Seri, Dato'-dato/tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Penubuhan EAIC yang mula beroperasi pada 1 April 2011 sebagai sebuah badan bebas adalah untuk menerima dan menyiasat aduan berkaitan salah laku (misconduct) yang membabitkan 21 agensi penguatkuasaan Persekutuan yang telah disenaraikan dalam Jadual Akta 700, termasuk juga para pegawai penguat kuasa agensi-agensi penguatkuasaan tersebut. Peranan EAIC tidak setakat itu sahaja, bahkan EAIC turut diberikan tanggungjawab untuk membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, mengesyorkan penambahbaikan tatacara dan prosedur pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang dengan tujuan untuk memperkasakan integriti di kalangan anggota penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan itu sendiri.

5. Dalam menjalankan tanggungjawab tersebut, saya ingin menegaskan bahawa penubuhan EAIC bukanlah untuk membuka aib mana-mana pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan. EAIC sebenarnya membantu di dalam memantapkan integriti dan memperkasakan akauntabiliti serta kredibiliti perkhidmatan penguatkuasaan yang sedia ada oleh agensi-agensi penguatkuasaan. Ini adalah sangat penting dalam menentukan perkhidmatan yang terbaik diberikan kepada rakyat pada tahap integriti yang meyakinkan, efisien dan efektif.

6. Untuk makluman hadirin, sepanjang tahun 2015 ini, EAIC telah melihatkan pencapaian yang sungguh memberangsangkan dan mula mendapat keyakinan dan pengiktirafan oleh anggota dan agensi penguatkuasaan, orang ramai dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs). Sejumlah sembilan (9) Sesi Dialog telah diadakan di antara ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC dengan Ketua-ketua Jabatan agensi penguatkuasaan bagi membincangkan perkara dan polisi berkaitan penguatkuasaan undang-undang dan integriti. Dialog tersebut melibatkan PDRM Bukit Aman; Kastam Diraja Malaysia; Jabatan Imigresen Malaysia; Jabatan Pengangkutan Jalan; Jabatan Pendaftaran Negara; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan; Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja; Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia; dan Agensi Anti-Dadah Kebangsaan. Malahan dengan PDRM Bukit Aman, ahli-ahli Suruhanjaya telah mengadakan 3 dialog yang khusus. Sebanyak tiga (3) Majlis Dialog Bersama juga telah diadakan di antara ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC dengan wakil agensi penguatkuasaan bagi Zon Labuan, Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan) dan Zon Pantai Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan). Ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC juga mengambil bahagian dalam empat (4) forum awam yang dianjurkan oleh Majlis Peguam Malaysia. Ahli-ahli Pesuruhjaya juga mengadakan dialog dengan Pesuruhjaya SUHAKAM Malaysia dalam membincangkan kerjasama di antara kedua-dua badan dalam usaha meningkatkan dan memantapkan lagi pengawasan ke atas anggota dan agensi penguatkuasaan. Kerjasama ini telah pertama kali menghasilkan lawatan bersama oleh EAIC dan SUHAKAM ke Depoh Tahanan Imigresen di Machap Umbu Melaka; dan lawatan EAIC ke Depoh Tahanan Imigresen di Langkap dan Semenyih bertujuan untuk meninjau dan mendapatkan fakta-fakta secara langsung ke atas keadaan dan tahap pengurusan depoh-depoh terlibat yang menempatkan

pendatang-pendatang tanpa izin (PATI) dan tahanan-tahanan imigresen lainnya. Peranan ini selari dengan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah seksyen 4(1)(h) dan seksyen 21 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700). Ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC juga telah mengadakan Dialog dengan wakil-waki dari Amnesty International Malaysia dan Suaram Malaysia khususnya bagi membincangkan isu-isu berkaitan kematian orang tahanan semasa berada di dalam lokap polis. Laman sesawang EAIC juga telah melihatkan peningkatan lebih daripada 300% jumlah pengunjung (*visitors*) dari 27,000 yang direkodkan pada 1 November 2014 kepada 115,000 pada November 2015.

7. Peratusan kes-kes aduan yang diselesaikan pada peringkat siasatan awal dan diputuskan oleh Jawatankuasa Aduan EAIC yang dibentuk di bawah seksyen 26 Akta 700 dan keputusan Mesyuarat Suruhanjaya ke atasnya telah meningkat kepada 95% kadar penyelesaian bagi tahun 2015 (sejumlah 18 aduan diterima pada tahun 2011, 357 pada tahun 2012, 306 pada tahun 2013, 309 pada tahun 2014 dan 262 aduan setakat bulan Oktober 2015). Penyelesaian aduan-aduan yang disiasat penuh juga telah melihat pencapaian yang memberangsangkan selari dengan hasrat EAIC bagi setiap aduan yang diterima diselesaikan oleh Suruhanjaya dalam tempoh 6 bulan hingga 12 bulan dan keputusan Mesyuarat Suruhanjaya terhadap aduan disampaikan kepada pengadu dalam tempoh tiga hari dari tarikh keputusan tersebut. Kekerapan mesyuarat ahli-ahli Pesuruhjaya (7 ahli Pesuruhjaya termasuk Pengerusi) juga dipertingkatkan kepada dua (2) kali pada setiap bulan dalam usaha meningkatkan keupayaan membuat keputusan dan melicinkan kecekapan pengurusan operasi EAIC. EAIC juga telah mengeluarkan dan membuat dedahan awam (*public disclosure*) dua (2) laporan siasatan kematian tahanan dalam lokap atau

jagaan polis, masing-masingnya pada 3 Januari 2015 dan 30 Oktober 2015, iaitu siasatan kematian James Ramesh a/l Ramasamy dan Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur. Laporan tersebut boleh diakses oleh orang ramai melalui laman sesawang EAIC. Terdapat satu (1) laporan oleh EAIC berkaitan pencerobohan “Bot Pukat Kenka di Kuala Kurau, Perak” juga telah disiapkan dan diedarkan kepada tiga (3) Agensi Penguatkuasaan Maritim/Perikanan.

8. Disamping itu pada 16 November 2015, EAIC telah selesai mengadakan prosiding pendengaran awam (*public hearing*) bagi siasatan kematian tahanan dalam lokap polis, bernama N. Dharmendran a/l Narayanasamy (pendengaran awam bermula sejak akhir bulan Julai 2015) dan laporan ke atasnya sedang disediakan oleh Pasukan Petugas yang dibentuk oleh EAIC dengan bantuan tiga (3) orang Juru Perunding yang dilantik oleh EAIC di bawah seksyen 15 Akta 700.

9. Ketika ini bermula pada 12 November 2015 hingga Januari 2016, iklan awam berkaitan fungsi EAIC sedang disiarkan oleh TV1 dan TV2 dalam usaha EAIC untuk meningkatkan lagi pengetahuan orang ramai terhadap kewujudan dan peranan EAIC.

10. EAIC juga telah menggubal rang undang-undang pindaan Akta 700 yang ketika ini telah dirujukkan kepada Jabatan Peguam Negara sebelum ianya dibawa kepada Kerajaan dan Parlimen dalam usaha memantapkan lagi keberkesanan fungsi dan peranan EAIC seperti yang dihasratkan oleh Kerajaan dan masyarakat umum. Pindaan tersebut adalah signifikan dalam mewajibkan Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi memberitahu EAIC ke atas prosiding dan keputusan tatatertib yang telah diambil terhadap mana-mana pegawai penguat kuasa yang dibuat syor atau

perakuan oleh EAIC supaya tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai terlibat itu yang didapati oleh EAIC sebagai telah melakukan salah laku (*misconduct*) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700. Malahan di bawah seksyen 30(1)(b) Akta 700, EAIC diberi kuasa untuk membuat syor tentang hukuman yang patut dikenakan ke atas pegawai penguat kuasa yang berkenaan. Pindaan tersebut juga akan memberi kuasa kepada EAIC untuk mengambil alih siasatan tatatertib yang sedang dijalankan oleh agensi jika Suruhanjaya berpuas hati atau mendapati siasatan yang dijalankan tersebut tidak memuaskan. EAIC mengharapkan pindaan Akta 700 tersebut akan dapat dibentangkan dalam sesi persidangan Parlimen pada awal tahun 2016 dan seterusnya diberi tarikh kuatkuasa yang awal.

11. Pada suku pertama tahun 2015 juga telah melihatkan pengukuhan kapasiti (*capacity building*) EAIC dengan pengambilan masuk tidak kurang daripada enam belas 16 orang pegawai baru yang terdiri daripada peguamcara dan peguambela yang sedang beramal (*legal practitioners*) dan berpengalaman sebagai warga kerja sepenuh masa EAIC bagi menguat dan meningkatkan lagi keupayaan dan tenaga kerja profesional serta sistem penyampaian EAIC. Satu penstrukturkan semula ke atas Bahagian Operasi EAIC (yang mengandungi Seksyen Siasatan dan Seksyen Aduan) juga telah selesai dilakukan bagi mewujudkan unit-unit siasatan khusus yang akan menyiasat aduan salah laku yang melibatkan polis dan agensi penguatkuasaan lain secara berasingan dalam usaha meningkatkan lagi keberkesanan operasi EAIC. Sebagai sebuah badan bebas yang bertanggungjawab melapor kepada Parlimen, pada 19 Oktober 2015, EAIC telah membentangkan laporan tahunan 2014 EAIC bagi diperhalusi oleh Yang Berhormat ahli-ahli Parlimen.

Laporan tersebut memperincikan segala aktiviti dan perangkaan aduan dan penyiasatan yang telah diterima dan dijalankan oleh EAIC.

12. Bagi tahun 2016 EAIC telah merancang beberapa aktiviti dan program penting yang perlu dijalankan bagi memenuhi fungsi dan tanggungjawab EAIC sebagai mana yang termaktub di bawah Akta 700. Aktiviti dan program utama yang dirancang, antaranya adalah seperti berikut:-

**a) Sesi Pendengaran Awam (*Public Hearing*)**

Selaras dengan peruntukan perenggan 4(1) (a) dan seksyen 34 Akta 700, salah satu fungsi utama EAIC ini adalah menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian. Ketika ini terdapat empat (4) kes kematian orang tahanan semasa di lokap polis yang mendapat perhatian umum sedang di dalam penyiasatan awal oleh EAIC sebelum keputusan dibuat samada perlu ditubuhkan satu Pasukan Petugas di bawah seksyen 17 Akta 700 dan keperluan mengadakan (*public hearing*) yang telus dan berkesan dengan penyertaan pihak-pihak yang berkepentingan ke atasnya selaras dengan kuasa-kuasa EAIC di bawah seksyen 28 Akta 700.

**b) Sesi Dialog EAIC Bersama Agensi Penguatkuasaan Seliaan di Zon Utara, Zon Tengah, Sabah dan Sarawak**

Sejajar dengan matlamat menggalakkan kesedaran dan meningkatkan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan, EAIC telah mempraktikkan amalan 'turun padang' dengan menganjurkan Sesi Dialog bersama agensi-agensi di bawah seliaannya dan juga orang awam di beberapa buah negeri mengikut zon. Sesi Dialog ini juga dijadikan platform untuk mendapatkan maklum balas berkenaan aduan salah laku yang diterima oleh EAIC dan permasalahan penguatkuasaan undang-undang oleh agensi penguatkuasaan yang terlibat serta perkara yang menyentuh integriti. Sepanjang tahun 2016, Sesi Dialog sedemikian telah dirancang bagi diadakan dengan agensi penguatkuasaan Zon Utara (Pulau Pinang, Kedah dan Perlis) pada 25-26 Januari 2016, Zon Tengah (Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Perak), Zon Sabah serta Zon Sarawak.

**c) Kajian Ilmiah “Kajian Impak Keberkesanan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)”**

Pada tahun 2016 satu kajian ke atas keberkesanan EAIC akan dilakukan oleh Juru Perunding yang dilantik. Pelaksanaan kajian ini adalah bagi menyediakan satu (1) landskap hala tuju jangka pendek dan jangka panjang EAIC dalam merangka pelan perancangan antaranya dengan mengambilkira amalan terbaik (*best practices*) agensi-agensi yang menjalankan fungsi yang hampir serupa di peringkat nasional dan antarabangsa.

#### **d) Mesyuarat bersama Agensi Seliaan EAIC dan NGOs**

Mengadakan mesyuarat secara berterusan dengan agensi-agensi seliaan bagi mendapat maklumat dan (*input*) termasuk pemakluman aduan-aduan yang diterima terhadap mereka dan perkara-perkara berkaitan isu semasa penguatkuasaan undang-undang. Dialog EAIC bersama Ketua Jabatan agensi penguatkuasaan juga akan diteruskan dalam membincangkan perkara-perkara yang melibatkan polisi penguatkuasaan undang-undang dan integriti. EAIC juga akan meneruskan dan memperluaskan sesi (*engagement*) bersama Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs).

#### **e) Persidangan EAIC 2016**

Persidangan Kebangsaan EAIC 2016 dirancang untuk diadakan sempena Ulang Tahun Ke 5 penubuhan EAIC. Persidangan ini dijangka akan dihadiri oleh semua Pegawai Kanan agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC, pihak-pihak berkepentingan serta Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs). Objektif utama persidangan ini adalah untuk menjana perbincangan dalam menilai keberkesanan penubuhan dan peranan EAIC semenjak 1 April 2011 serta keberkesanan pelaksanaan syor dan perakuan-perakuan yang dibuat oleh EAIC yang berkaitan dengan tindakan tatatertib dan peranan Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi penguatkuasaan. Secara pentadbiran, pada 1 Julai 2015, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya telah memberikan perhatian serius dan membuat

keputusan supaya satu (1) pekeliling dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) yang menghendaki PBT membuat laporan keputusan tindakan tatatertib kepada EAIC.

13. EAIC sentiasa komited dan tidak akan berkompromi di dalam memastikan penguatkuasaan undang-undang yang adil, telus, cekap dan efisyen oleh agensi pengkuasaan. Setiap agensi penguatkuasaan hendaklah sentiasa mematuhi dan tidak sekali-kali menyalahgunakan kuasa yang diberi oleh undang-undang berkaitan. Bagaimana pun tugas dan tanggungjawab ini tidak akan dapat dijayakan dengan berkesan tanpa kerjasama daripada orang ramai atau masyarakat umum. Maka itu disinilah pentingnya peranan dan kerjasama oleh badan-badan bukan kerajaan (NGOs) yang sentiasa berada di lapangan (field) yang yang dapat bertindak sebagai penyalur (conduit) dan pemudah bagi mana-mana pengadu atau rakyat yang berasa terkilan atau teraniaya akibat dari perlakuan salah laku oleh anggota penguatkuasa atau agensi penguatkuasaan bagi membantu menyalurkan maklumat salah laku tersebut kepada EAIC. Di bawah seksyen 52 terdapat peruntukan obligasi kerahsiaan ke atas maklumat-maklumat yang diterima oleh EAIC tersebut.

Para hadirin yang dimuliakan,

14. Sesi dialog ini adalah yang pertama oleh EAIC yang melibatkan jumlah penyertaan terbesar NGOs dan individu yang mempunyai kepakaran masing-masing. Kesanggupan Dato' Seri/Dato-dato/Tuan-tuan dan Puan-puan menerima jemputan EAIC bagi hadir di Majlis Dialog ini adalah satu manifestasi komitmen tinggi yang ditunjukkan walau pun

ada di antara kita mempunyai pilihan untuk melakukan perkara yang lain pada hari ini. EAIC menghargai kehadiran semua. Adalah menjadi hasrat EAIC untuk sesi dialog ini menjadi suatu platform “engagement” yang dapat membincangkan dan “in-put” oleh pakar-pakar dan individu berpengalaman tentang bagaimana kerjasama di antara EAIC dan NGOs serta media boleh dipertingkatkan dan dimafaatkan bersama. EAIC sentiasa membuka pintu untuk kerjasama yang seumpamanya demi kesejahteraan rakyat dan negara. EAIC berharap kerjasama seumpama ini akan dapat dipanjangkan dengan lebih banyak NGO dan dengan sokongan media dalam memberikan publisiti yang dapat mendatangkan manfaat kepada orang ramai. Adalah diharapkan pertemuan kita pada hari ini, akan terus berpanjangan dan dibina dan tidak terhenti di sini sahaja. EAIC senantiasa mengalu-alukan sebarang cadangan daripada NGO dan media termasuk individu berpakaran bagi memperkasakan dan menambahbaik sistem penyampaian dan perkhidmatan yang sedia ada oleh agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC.

15. Hasrat EAIC dalam memastikan kemantapan dan pemerkasaan kredibiliti dan integriti pegawai penguat kuasa bukanlah hanya sekadar melepaskan batuk di tangga semata-mata. Kami komited dan beriltizam mendukung misi dan visi EAIC agar penyampaian perkhidmatan yang sedia ada berada pada tahap yang cemerlang serta boleh dibanggakan. Sehubungan itu, EAIC bertekad untuk terus meneraju penguatkuasaan, transformasi dan pembudayaan integriti di kalangan Agensi Penguatkuasaan di Malaysia yang berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik. Setiap siasatan dan tambah baik yang disarankan kepada

setiap agensi di bawah seliaan EAIC pastinya dilakukan berlandaskan pengendalian aduan dan siasatan secara telus, berani dan professional.

16. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak khasnya media yang telah memberikan sokongan dan kerjasama di dalam memberikan liputan terhadap setiap siasatan mahupun aktiviti yang dilakukan oleh EAIC. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi – tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih akan kehadiran Dato' Seri, Dato-dato/Tuan-tuan dan Puan-puan semua pada pagi ini. Besarlah harapan saya agar sesi dialog ini dapat kita manfaatkan bersama menerusi sesi interaktif sama ada bertukar pandangan, mengutarakan aduan mahupun soalan, komen serta cadangan yang membina khusus berkenaan aspek integriti di kalangan agensi penguatkuasaan sebagai usaha memartabatkan mutu perkhidmatan yang sedia ada. Selaku ahli panel bagi sesi dialog yang akan diadakan sebentar lagi, kami bersedia memberi respon, maklum balas dan mengambil tindakan susulan berdasarkan isu-isu yang dikemukakan.

17. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Sesi Majlis Dialog EAIC Bersama NGOs dan Media Tahun 2015.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum waramatulahhi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.